

Mangsa banjir Kelantan, Terengganu meningkat

Empat mangsa lemas di Kelantan

KOTA BHARU – Pasangan adik-beradik merupakan antara empat mangsa lemas akibat banjir dalam tiga kejadian berasingan di Bachok, Pasir Mas dan Rantau Panjang semalam.

Kejadian pertama melibatkan dua adik-beradik yang ditemui lemas selepas dihanyut arus deras ketika mandi bersama sepupu mereka di sebatang parit di



Banjir

Kampung Tualang Salak, Tawang, Bachok.

Dalam kejadian pukul 1.30 petang itu, mangsa Ahmad Fathi Roslan, 14, pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jelawat lemas bersama adiknya Mohd. Arif Hakimi, 10, murid tahun empat Sekolah Kebangsaan (SK) Jelawat di sini.

Ketua Penjaga Balai Bomba dan Penyelamat (Bomba) Bachok, Nordin Zakaria berkata, pihaknya menerima panggilan keceemasan daripada orang awam pada pukul 2.35 petang dan tiba di lokasi kejadian pada pukul 2.52 petang.

“Mayat Ahmad Fathi ditemui pada pukul 4.32 petang manakala adiknya, Mohd. Arif Hakimi ditemui pada pukul 4.37 petang tidak jauh dari tempat mereka mandi.

Sementara itu, seorang lagi mangsa dikehutiri lemas ketika mandi bersama seorang rakannya di sebatang tali air di Lemal, Pasir



BERNAMA

SEORANG penduduk mengharungi banjir untuk meninjau keadaan rumahnya yang ditenggelami banjir di Kampung Buluh, Setiu semalam.

Mas semalam.

Mangsa Muhammad Raihan Haslan, 15, yang merupakan pelajar tahfiz Madrasah Tahfiz Al-Rahmaniah Addiniyah Lubuk Tapah, Pasir Mas dikehutiri lemas manakala rakannya, Ali Amar, 14, sempat diselamatkan oleh penduduk kampung.

Dalam kejadian kira-kira pukul 6 petang semalam, Muhammad Raihan telah pergi ke kawasan tali air itu bersama Ali dan seorang lagi rakan mereka Muhamad Rifki Yusof, 13.

Muhamad Rifki yang tidak turun mandi

bersama telah meminta pertolongan setelah mendapati dua rakannya lemas dan Ali berjaya diselamatkan penduduk kampung.

Setakat pukul 8.30 malam semalam, anggota bomba dan penyelamat masih belum menemui mangsa.

Dalam kejadian di Rantau Panjang pula, seorang kanak-kanak, Sharul Aiman Mohd. Ridzuan, 2, ditemui tersembam dalam lopak air oleh ibunya di hadapan rumahnya di Kampung Cabang Tiga kira-kira pukul 6.55 petang semalam.

Ibu kanak-kanak itu yang dikenali Suhana terus membawa anak bongsu daripada dua beradik itu ke Klinik Kesihatan Rantau Panjang dan disahkan meninggal di klinik itu pukul 7.30 malam.

Dalam pada itu, jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara di negeri ini meningkat kepada 227 orang berbanding 140 orang semalam.

Menurut sumber dari laman rasmi e-Banjir negeri Kelantan, seramai 180 mangsa daripada 40 buah keluarga dipindahkan di pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Mulong manakala 26 mangsa daripada enam buah keluarga lagi ditempatkan di SK Tiong di sini.

Di **Kuala Terengganu**, jurucakap Bilik Gerakan Banjir, Majlis Keselamatan Negeri Terengganu berkata, sehingga pukul 5 petang semalam, daerah Setiu mencatatkan jumlah pemindahan mangsa banjir paling tinggi iaitu 654 orang daripada 170 keluarga.

Turut terjejas ialah daerah Besut dengan 362 orang sementara jumlah mangsa yang dipindahkan di Hulu Terengganu seramai 105 orang.

Di **Johor Bahru** pula seramai 16 mangsa banjir terdiri daripada tiga keluarga ditempatkan di pusat pemindahan di Balai Raya Kampung Cahaya, Air Hitam sehingga pukul 4 petang semalam.

Hujan lebat dijangka landa Kelantan, Terengganu, Pahang

KUALA LUMPUR - Hujan sekejap-sekejap dan kadangkala sederhana di Kelantan dan Terengganu dijangka berterusan sehingga hari ini boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah.

Keadaan itu dijangka berlaku di Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang di Kelantan serta di Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman di Terengganu.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia semalam, keadaan itu juga diramal berlaku di daerah Kuantan, Pekan, Jerantut, Maran, Bera dan Rompin di Pahang.

Selain itu, hujan di daerah Padang Besar, Kangar dan Arau di Perlis dan Kubang Pasu, Padang Terap, Kota Setar, Pokok Sena, Pendang dan Langkawi di Kedah dijangka berterusan sehingga malam ini.

Jabatan itu turut mengeluarkan amaran angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40-50 kilometer sejam (kmsj) dengan ombak mencapai 3.5 meter yang dijangka berlaku di kawasan perairan Pulau Langkawi, Perlis, utara Kedah, Pahang dan timur Johor yang diramal berterusan hingga Selasa ini.